A

Mohd Azizi bin Ismail lwn Robiyah bt Yusoh

B MAHKAMAH TINGGI (KOTA BHARU) — GUAMAN NO DA-22IP-02–12 TAHUN 2017
MOHAMAD ABAZAFREE PK
14 OKTOBER 2021

C *Prosedur Sivil — Pindaan — Permohonan untuk meminda penghakiman termeterai — Sama ada penghakiman mencerminkan niat sebenar mahkamah — Sama ada defendan menunjukkan perbezaan dan percanggahan yang nyata dan jelas antara perintah sebenar dan perintah termeterai — Sama ada terdapat kelewatan yang melampau dalam membuat permohonan — Kaedah-kaedah*
D *Mahkamah 2012 A 20 k 11*

Ini merupakan permohonan defendan untuk meminda penghakiman bermeterai bertarikh 21 November 2018 ('penghakiman tersebut') di bawah A 20 k 11 dan A 90 k 4 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 ('KKM 2012').
E Deraf penghakiman tersebut telah disediakan oleh peguamcara defendan dan telah diemelkan kepada peguamcara plaintif melalui surat bertarikh 16 April 2019. Memandangkan terdapat ketidakpuasan hati berkaitan deraf penghakiman tersebut, maka satu temujanji bagi klarifikasi penghakiman telah dijalankan pada 13 Mei 2019. Peguamcara plaintif telah mendapatkan
F rakaman CRT sebelum tarikh temujanji tersebut bagi meneliti rakaman perjalanan prosiding. Berdasarkan rakaman CRT, semasa temujanji tersebut, timbalan pendaftar telah mengarahkan pihak defendan untuk memasukkan deraf penghakiman yang selari dengan apa yang dinyatakan oleh hakim Mahkamah Tinggi. Berlanjutan itu, defendan telah memfailkan penghakiman
G yang terpinda tersebut melalui surat bertarikh 24 Mei 2019. Penghakiman bermeterai tersebut telah kemudiannya diserahkan kepada plaintif melalui surat bertarikh 10 Jun 2019. Pada 16 Disember 2020, defendan memfailkan permohonan ini untuk meminta penghakiman tersebut dipinda. Defendan berhujah bahawa alasan utama permohonan ini adalah kerana perenggan (b)
H penghakiman tersebut adalah berbeza dengan alasan penghakiman yang telah dikeluarkan. Defendan menyatakan bahawa bersandarkan kepada alasan penghakiman, apa yang diniatkan adalah ganti rugi berdasarkan kerugian yang dialami oleh plaintif dan bukannya berdasarkan hasil jualan produk oleh defendan. Oleh itu, pindaan diperlukan bagi mencerminkan niat sebenar
I mahkamah ketika mengeluarkan perintah. Isu yang perlu ditentukan adalah sama ada terdapat perbezaan dan percanggahan yang nyata dan jelas di antara perintah sebenar dan perintah termeterai.

Diputuskan, menolak permohonan dengan kos:

(1) Defendan sebagai pemohon, perlu mengemukakan alasan bagi pertimbangan mahkamah untuk menentukan sama ada wujud justifikasi di atas kelewatan dalam membuat permohonan. Apabila ianya tidak dikemukakan, mahkamah tidak boleh bertindak secara tekaan apa yang sebenarnya berlaku. Tanpa penjelasan, ia membolehkan mahkamah untuk membuat kesimpulan bahawa berlaku kelewatan yang melampau dan defendan telah mengenepikan haknya untuk meminda penghakiman tersebut. Di atas alasan ini sahaja, mahkamah boleh menolak permohonan defendan (lihat perenggan 26–27).

(2) Secara keseluruhannya, mahkamah berpandangan bahawa penghakiman tersebut adalah membawa niat sepertimana yang dinyatakan oleh hakim Mahkamah Tinggi di dalam alasan penghakimannya. Ia adalah turut selari dengan penghakiman yang dinyatakan secara lisan (lihat perenggan 38).

[English summary

This was the defendant's application to amend the sealed judgment dated 21 November 2018 ('the judgment') under O 20 r 11 and O 90 r 4 of the Rules of Court 2012 ('the ROC 2012'). The draft judgment was prepared by the defendant's solicitors and was emailed to the plaintiff's solicitors through letter dated 16 April 2019. As there was dissatisfaction to the said draft judgment, an appointment was fixed on 13 May 2019 for clarification of the judgment. The plaintiff's solicitors had obtained the CRT recording prior to the date of appointment to examine the course of proceedings. Based on the CRT recording, during the appointment, the deputy registrar instructed the defendants to file a draft judgment which was in line with what was stated by the High Court judge. Subsequently, the defendant filed an amended judgment through a letter dated 24 May 2019. The sealed judgment was then served on the plaintiff via a letter dated 10 June 2019. On 16 December 2020, the defendant filed this application to amend the said judgment. The defendant contended that the main reason for this application was due to the fact that para (b) of the said judgment contradicted the grounds of judgment issued. The defendant stated that based on grounds of judgment, it was intended that the damages be based on the loss suffered by the plaintiff and not on the proceeds of the sale of the product by the defendant. Therefore, amendment was necessary to reflect the real intention of the court when giving the judgment. The issue here to be determined by the court was whether there were obvious discrepancies and contradictions between the actual judgment and the sealed judgment.

Held, dismissing the application with costs:

(1) The defendant, as the applicant, must provide grounds for the court's consideration as to whether there was justification for the delay in making the amendment application. When grounds were not provided,

A the court was unable to proceed on guessing what had actually happened. Without an explanation, it allowed the court to conclude that there was an extreme delay and the defendant had waived his right to amend the judgment. On these grounds alone, the court may dismiss the defendant's application (see paras 26–27).

B (2) Overall, the court was of the view that the judgment carried the intention of the High Court judge in his grounds of judgment. It also corresponded with the oral judgment given by the judge (see para 38).]

C **Kes-kes yang dirujuk**

Commercial Plastic Industries Sdn Bhd v Lim Chin Cheap & Ors [2002] 6 MLJ 619; [2002] 4 CLJ 694, MT (dirujuk)

Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri & Anor v The Edge Communications Sdn Bhd [2017] 4 MLJ 200; [2017] 1 LNS 713, MR
D (dirujuk)

Khor Cheng Wah v Sungai Way Leasing Sdn Bhd [1996] 1 MLJ 223; [1997] 1 CLJ 396, MR (dirujuk)

Owners of Cargo Carried In The Ship 'Gang Cheng' v Owners and/or Persons Interested in The Ship 'Gang Cheng' (No 2) [1998] 6 MLJ 492; [1998] 5 CLJ
E 548, MT (dirujuk)

Sang Lee Co Sdn Bhd & Ors v Munusamy a/l Karuppiah (sole proprietor of MNN Consultancy Services, a firm) [2010] 5 MLJ 285; [2010] 5 CLJ 229, MP (dirujuk)

F *Stone World Sdn Bhd v Engareh (M) Sdn Bhd* [2020] 12 MLJ 237; [2020] 9 CLJ 358, MP (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 A 20 k 11, A 42 k 13, A 56 k 1, A 90 k 4

G *Hisham bin Fauzi (Hisham Fauzi & Assoc) bagi pihak plaintif.*
Muhd Daniel bin Baharudin (Yusfarizal Aziz & Zaid) bagi pihak defendan.

Mohamad Abazafree PK:

H PENDAHULUAN

[1] Ini adalah merupakan satu permohonan oleh defendan di bawah A 20 k 11 dan A 90 k 4 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 ('KKM 2012') untuk
I meminda penghakiman bermeterai bertarikh 21 November 2018 yang telah diperintahkan oleh mahkamah ini ('penghakiman tersebut').

[2] Permohonan defendan adalah dibuat melalui satu notis usul di kandungan 62 dan disokong oleh afidavit sokongan di kandungan 63.

Manakala afidavit jawapan plaintif adalah di kandungan 66 manakala selanjutnya afidavit balasan defendan adalah di kandungan 67.

LATARBELAKANG FAKTA KES

[3] Permohonan ini berpaksikan kepada penghakiman tersebut yang telah diberikan oleh YA Hakim Mahkamah Tinggi pada ketika itu di akhir kes pada 21 November 2018. Isu yang menjadi pertikaian di dalam permohonan ini adalah berkaitan perenggan (b) penghakiman tersebut yang diperturunkan seperti berikut:

> (b) ganti rugi perlanggaran hak cipta ditaksirkan oleh timbalan pendaftar mengambilkira jumlah yang diperolehi oleh defendan hasil daripada penjualan produk yang diciplak tersebut.

[4] Deraf penghakiman tersebut telah disediakan oleh peguamcara defendan dan telah diemelkan kepada peguamcara plaintif melalui surat bertarikh 16 April 2019. Memandangkan terdapat ketidakpuasan hati berkaitan deraf penghakiman tersebut, maka satu temujanji bagi klarifikasi penghakiman telah diadakan pada 13 Mei 2019. Peguamcara plaintif sebelum dari tarikh temujanji tersebut, telah mendapatkan rakaman CRT bagi meneliti rakaman perjalanan prosiding.

[5] Di dalam rakaman tersebut, secara khususnya pada tarikh 21 November 2018 di minit 11.45 telah direkodkan (sepertimana eksh 'MI3' afidavit jawapan):

> Minit 11.45
>
> Tuntutan plaintif wajar dibenarkan dan satu injunksi dikeluarkan seperti yang dipohon.
>
> Berkenaan dengan gantirugi, mahkamah berpandangan untuk gantirugi bagi kos hangus yang dibelanjakan oleh plaintif untuk ke Indonesia dan menempah sampin dengan kilang di Indonesia tidak wajar diberikan memandangkan pembatalan oleh defendan disebabkan oleh kesilapan yang dibuat oleh plaintif sendiri yang silap mencetak rekaannya. Oleh itu tidak wajar jika dia meminta gantirugi tersebut.
>
> Untuk gantirugi bagi pelanggaran hak cipta, mahkamah berpendapat bahawa ia dibenarkan dan ia perlu ditaksirkan oleh pendaftar. Mengambil kira jumlah yang diperolehi oleh defendan hasil daripada penjualan produk yang diciplak tersebut. So up to the registrar to access based on apa yang mahkamah bagi panduan tadi tu. Itu panduan am, she can go because it is a separate hearing.

[6] Berdasarkan kepada rakaman CRT ini, semasa temujanji tersebut, timbalan pendaftar telah mengarahkan pihak defendan untuk memasukkan deraf penghakiman yang selari dengan apa yang dinyatakan oleh YA Hakim Mahkamah Tinggi. Berlanjutan itu, defendan telah memfailkan penghakiman

A yang terpinda tersebut melalui surat bertarikh 24 Mei 2019. Penghakiman tersebut bermeterai telah kemudiannya diserahkan kepada plaintif melalui surat bertarikh 10 Jun 2019.

B **[7]** Defendan di dalam masa yang sama telah memfailkan notis rayuan ke atas keputusan YA Mahkamah Tinggi tersebut pada 10 Disember 2018. Ia bersandarkan kepada penghakiman yang pada ketika itu belum dimuktamadkan dan belum ada alasan penghakiman.

C **[8]** Alasan penghakiman YA Mahkamah Tinggi hanya diperolehi pada 15 Mei 2019 dan semasa itu penghakiman telahpun dimuktamadkan dan difailkan. Memorandum rayuan bagi maksud rayuan ini telah difailkan pada 2 Jun 2019 dan isu berkaitan penghakiman di perenggan (b) ini bukan merupakan sebahagian dari isu yang dipertikaikan semasa rayuan.

D

[9] Mahkamah Rayuan telah mendengar rayuan oleh defendan dan pada 16 Februari 2019 telah menolak rayuan dan mengekalkan penghakiman oleh YA Hakim Mahkamah Tinggi.

E **[10]** Selanjutnya taksiran ganti rugi telah diputuskan oleh timbalan pendaftar pada 10 Oktober 2020 dan defendan yang tidak berpuas hati ke atas keputusan tersebut kini telah memfailkan notis rayuan kepada hakim dalam kamar di bawah A 56 k 1 KKM 2012 dan di atas permintaan kedua-dua pihak ditangguhkan sementara menunggu permohonan ini.

F

[11] Hanya pada 16 Disember 2020 defendan, walaupun telah mendapat akses kepada penghakiman tersebut sejak 15 Mei 2019 dan selepas rayuan ditolak di Mahkamah Rayuan dan ganti rugi telahpun ditaksirkan oleh G timbalan pendaftar, memfailkan permohonan ini untuk meminta penghakiman tersebut dipinda. Ia di atas alasan penghakiman tersebut adalah berbeza dengan alasan penghakiman yang telah dikeluarkan oleh YA Hakim Mahkamah Tinggi.

H HUJAHAN PIHAK-PIHAK

[12] Peguamcara defendan berhujah bahawa alasan utama permohonan ini adalah kerana perenggan (b) penghakiman tersebut adalah berbeza dengan alasan penghakiman yang telah dikeluarkan. Berdasarkan kepada I perenggan 53 alasan penghakiman tersebut telah dinyatakan seperti berikut:

> Mahkamah dengan ini mengarahkan ganti rugi ditaksir oleh timbalan pendaftar. Plaintif perlu membuktikan sebanyak mana kerugian yang dialaminya akibat dari perlanggaran hak cipta tersebut.

[13] Ini menurut defendan telah menyebabkan kekeliruan dan ia memprejudis serta menjejas teruk defendan di mana defendan telah diperintah untuk membayar sejumlah RM55,466 kepada plaintif.

[14] Defendan menyatakan bahawa bersandarkan kepada alasan penghakiman, apa yang diniatkan adalah ganti rugi berdasarkan kerugian yang dialami oleh plaintif dan bukannya berdasarkan hasil jualan produk oleh defendan. Oleh itu ia memerlukan pindaan bagi mencerminkan niat sebenar mahkamah ketika mengeluarkan perintah.

[15] Plaintif sebaliknya menegaskan bahawa penghakiman tersebut disediakan oleh peguamcara defendan dan telah melalui proses klarifikasi di hadapan timbalan pendaftar. Ianya juga telah disemak melalui rakaman CRT. Selain itu, rayuan telahpun didengar oleh Mahkamah Rayuan dan isu ini tidak pernah dibangkitkan oleh defendan semasa rayuan walaupun pada ketika itu, alasan penghakiman telah tersedia di hadapan kesemua pihak.

[16] Bagi plaintif, isu ini telah pun selesai dan tindakan defendan kini hanya bagi melengah-lengahkan proses seterusnya iaitu berkaitan perbicaraan ganti rugi.

PRINSIP UNDANG-UNDANG BERKAITAN A 20 K 11 KKM 2012

[17] Undang-undang berkaitan pindaan ke atas penghakiman dan perintah diperuntukkan di bawah A 20 k 11 yang menyatakan bahawa apa-apa kesilapan perkeranian dalam penghakiman atau perintah, atau ralat yang berbangkit di dalamnya daripada apa-apa kecicirán atau peninggalan tidak sengaja, boleh pada bila-bila masa diperbetulkan oleh mahkamah melalui suatu notis permohonan tanpa rayuan.

[18] Adalah menjadi undang-undang yang mantap bahawa sesuatu penghakiman akan disempurnakan selepas ianya diumumkan oleh mahkamah dan pihak-pihak akan bertukar deraf perintah sebelum ianya difailkan di mahkamah. Selepas itu, mahkamah akan mengeluarkan satu perintah bermeterai yang hendaklah disifatkan sebagai telah sempurna. Proses ini adalah jelas sebagaimana di nyatakan di dalam kes *Commercial Plastic Industries Sdn Bhd v Lim Chin Cheap & Ors* [2002] 6 MLJ 619; [2002] 4 CLJ 694 oleh hakim Ramly Ali HMT (pada ketika itu) seperti berikut:

> An order is perfected when it is passed and entered by the court. In practice, when an order is pronounced by a court, one of the parties (usually in whose favour the order is granted) will prepare a draft order, send it to the other parties for approval or amendment (if any). After that the draft order is sent to the court's registrar for approval. Once the order is approved by the court registrar, a fair or formal order is prepared and sent to the court registrar for attestation and court seal.

A Only at that stage of the process can an order be said to have been passed and entered or perfected.

[19] Walau bagaimanapun, pihak-pihak masih dibolehkan untuk meminda penghakiman tersebut tertakluk kepada A 20 k 11 dan prinsip yang menggariskan budi bicara mahkamah telah dinyatakan di dalam kes *Stone World Sdn Bhd v Engareh (M) Sdn Bhd* [2020] 12 MLJ 237; [2020] 9 CLJ 358 sepertimana penghakiman oleh hakim Nallini Pathmanathan HMP seperti berikut:

C [17] There are limited and discrete situations where the court may make a further order subsequent to its previous sealed order. These situations include:

(a) an amendment of a previous order to reflect the original intention of the court which is evident from the previous and original order or the body of the judgment of the original order;

D

(b) under the slip rule O 20 r 11 of the Rules of Court 2012 ('the Rules') to correct a clerical error or a similar form of slip;

(c) the clarification, supplementing of or amendment of a previous order so as to give effect to the original order under the 'liberty to apply' provisions; or

E

(d) if there is provision in the Rules to amend an original order so as to enlarge time specified.

[18] These are well-recognised and accepted categories where the principle of finality as reflected in the rule of functus officio is not violated.

F

[20] Keputusan Mahkamah Persekutuan ini menegaskan prinsip kebebasan pihak-pihak untuk memohon perintah pindaan supaya dapat memberikan kesan kepada penghakiman atau perintah mahkamah. Ianya adalah di dalam bidang kuasa sedia ada mahkamah dan peraturan *functus officio* adalah tidak G dilanggari.

[21] Apa yang bermaksud pindaan bagi mencerminkan niat sebenar mahkamah ketika mengeluarkan perintah telah disentuh oleh Mahkamah H Persekutuan di dalam kes *Sang Lee Co Sdn Bhd & Ors v Munusamy a/l Karuppiah (sole proprietor of MNN Consultancy Services, a firm)* [2010] 5 MLJ 285; [2010] 5 CLJ 229 seperti berikut:

Enclosure 45 was not intended to alter, vary or set aside a perfected order but to correct the errors in the said order drawn up by the plaintiff's solicitors which had failed to express the true intention of the court in granting an interim injunction I until the disposal of encl 3. The learned JC 2 was right in allowing encl 45. *In the light of a clear difference and discrepancy between the terms of the sealed order as compared with the actual order pronounced by the learned JC 1 on 27 June 2006, it was right and proper that the sealed order be amended accordingly pursuant to O 20 r 11 of the RHC*. The court can amend an order which does not reflect what was actually

pronounced. In such situation the court is not functus officio. (Penekanan ditambah.)

[22] Secara prinsipnya, pihak-pihak yang memohon perlu menunjukkan kepada mahkamah satu perbezaan dan percanggahan yang nyata dan jelas di antara perintah sebenar dan perintah bermeterai. Budi bicara mahkamah juga hendaklah dilaksanakan di dalam kes-kes yang istimewa dan mahkamah hendaklah bertindak secara kehakiman dan tidak sembarangan. Ini telah ditegaskan di dalam kes *Commercial Plastic* bila mana hakim Ramly Ali HMT (pada ketika itu) telah memutuskan seperti berikut:

> The power to amend or vary an order earlier granted was not without limitation. It must be exercised judicially and not capriciously. Further it must only be exercised in exceptional case where the justice of the case required. In exercising the power to amend or vary an order, the court must look at the intention of the earlier court in pronouncing the order. The court may exercise the power in order to bring it into harmony with the order which the earlier court had obviously intended or meant to pronounce.

PERTIMBANGAN DAN DAPATAN MAHKAMAH

[23] Perkara pertama yang dipertimbangkan oleh mahkamah kini adalah berkaitan tempoh masa yang diambil oleh defendan di dalam membuat permohonan ini. Terdapat kelewatan selama setahun sembilan bulan jika diambil dari tarikh alasan penghakiman disediakan oleh YA Hakim Mahkamah Tinggi. Bukan sahaja itu, malahan ia telah melalui proses rayuan di Mahkamah Rayuan dan taksiran oleh timbalan pendaftar. Semasa prosidng di kedua-dua peringkat, ia adalah ke atas penghakiman tersebut dan alasan penghakiman yang sama.

[24] Tiada penjelasan yang telah diutarakan oleh defendan di dalam afidavit sokongan mahupun afidavit balasan di atas tempoh masa yang diambil. A 42 k 13 KKM 2012 telah menyatakan bahawa suatu pihak yang berniat untuk mengetepikan atau mengubah perintah atau penghakiman itu hendaklah membuat suatu permohonan kepada mahkamah dan menyampaikannya kepada pihak yang telah mendapat perintah atau penghakiman itu dalam tiga puluh hari selepas perintah atau penghakiman itu diterima olehnya.

[25] Di dalam kes *Khor Cheng Wah v Sungai Way Leasing Sdn Bhd* [1996] 1 MLJ 223; [1997] 1 CLJ 396, Mahkamah Rayuan telah menolak permohonan untuk mengenepikan penghakiman yang telah dimasuki dengan teratur dan telah menyatakan seperti berikut:

> It is a cardinal principle of law, that when a litigant seeks the intervention of the court in a matter that affects his rights, he must do so timeously. The maxim *vigilantibus, non dormientibus, jura subveniunt*, though having its origins in the

Court of Chancery, is of universal application. Even in cases where a right is exercisable *ex debito justitiae*, a court may refuse relief to an indolent litigant.

[26] Defendan sebagai pemohon, perlu mengemukakan alasan bagi pertimbangan mahkamah ini untuk menentukan sama ada wujud justifikasi di atas kelewatan tersebut. Apabila ianya tidak dikemukakan, mahkamah tidak boleh bertindak secara tekaan apa yang sebenarnya berlaku. Tanpa penjelasan juga, ia membolehkan mahkamah untuk membuat kesimpulan bahawa berlaku kelewatan yang melampau dan defendan telah mengenepikan haknya untuk meminda penghakiman tersebut.

[27] Di atas alasan ini sahaja pun mahkamah boleh menolak permohonan defendan.

[28] Dalam apa jua keadaan, mahkamah kini beranjak untuk mempertimbangkan merit permohonan ini. Pembacaan mahkamah ke atas alasan penghakiman YA Hakim Mahkamah Tinggi boleh disimpulkan bahawa YA Hakim Mahkamah Tinggi telah membuat dapatan bahawa plaintif adalah merupakan pemilik hakcipta bagi batik dan songket yang menjadi isu yang dipertikaikan.

[29] Bukan sekadar itu, YA Hakim Mahkamah Tinggi di perenggan 49 alasan penghakimannya dengan jelas memutuskan bahawa defendan telah secara komersial menggunakan rekacorak tersebut tanpa kebenaran dan menggunakannya secara komersial dengan menjual rekacorak yang dimiliki oleh plaintif tersebut kepada SBPI Gombak untuk dipakai oleh pelajar.

[30] Selepas dari dapatan tersebut, YA Hakim Mahkamah Tinggi di perenggan 53 merumuskan bahawa plaintif layak untuk menuntut ganti rugi bagi perlanggaran hakcipta. Selanjutnya telah mengarahkan ganti rugi ditaksir oleh timbalan pendaftar di mana plaintif perlu membuktikan sebanyak mana kerugian yang dialaminya akibat dari perlanggaran hakcipta tersebut.

[31] Mahkamah perlu meneliti alasan penghakiman ini beserta penghakiman yang diberikan secara lisan dan direkodkan di dalam penghakiman secara harmoni. Ini bagi mahkamah melihat adakah maksud penghakiman di dalam alasan penghakiman tersebut digambarkan melalui penghakiman yang termeterai. Hakim Kamalanathan Ratnam HMT di dalam kes *Owners of Cargo Carried In The Ship 'Gang Cheng' v Owners and/or Persons Interested in The Ship 'Gang Cheng' (No 2)* [1998] 6 MLJ 492; [1998] 5 CLJ 548 telah menyatakan:

Surely, the court has an inherent power to vary its own order so as to carry out its own meaning as plainly as possible. To do justice, it is necessary that the court be

given a discretion to recall and correct any misgivings in its judgment before it is perfected, to bring it into harmony with the order which the court obviously meant to pronounce.

[32] Mempertimbangkan secara harmoni bermaksud mempertimbangkan keseluruhan penghakiman dengan maksud untuk menjelaskan niat sebenar mahkamah ketika membuat alasan penghakiman. Niat sebenar bukanlah diterjemahkan dengan mengimport secara keseluruhannya ayat-ayat yang digunakan oleh YA Hakim Mahkamah Tinggi. Ia perlu diterjemahkan dengan melihat antara lain kepada plidings dan juga apa yang disampaikan sama ada secara lisan mahupun secara bertulis di dalam alasan penghakiman.

[33] Jika diteliti, apa yang dinyatakan di dalam alasan penghakiman tersebut adalah secara am. Ini dapat dilihat dari ayat YA Hakim Mahkamah Tinggi yang menyatakan bahawa ianya ditaksirkan oleh timbalan pendaftar berdasarkan kepada kerugian yang dialami oleh plaintif. Kerugian yang dialami adalah secara amnya merangkumi banyak aspek. Ia termasuk apabila hakcipta plaintif digunakan untuk tujuan komersial oleh defendan.

[34] Jika dirujuk kepada ayat semasa keputusan lisan diberikan sepertimana yang telah diekshibitkan sebagai 'MAI3' di dalam afidavit jawapan oleh plaintif, keputusan yang diberikan adalah bagi gantirugi perlanggaran hakcipta, ianya adalah dibenarkan dan perlu ditaksir oleh pendaftar. YA Hakim Mahkamah Tinggi selanjutnya telah memberikan panduan kepada timbalan pendaftar untuk mengambil kira jumlah yang diperolehi oleh defendan hasil daripada penjualan produk yang diciplak tersebut. YA Hakim Mahkamah Tinggi menegaskan bahawa ianya adalah sebagai panduan secara am dan ia adalah perbicaraan atau prosiding yang berbeza.

[35] Membuat taksiran ke atas gantirugi bermaksud membuat taksiran secara kehakiman dan bukanlah satu pengiraan ke atas jumlah yang dinyatakan oleh pihak-pihak semata-mata. Ia memerlukan asas kepada sesuatu pengiraan. Di dalam kes *Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri & Anor v The Edge Communications Sdn Bhd* [2017] 4 MLJ 200; [2017] 1 LNS 713 Hakim Prasad Sandosham Abraham HMR telah menyatakan:

> It is our view, that looking at the order of the High Court, the court ordered damages ensuing from the impugned decision to be assessed. Assessment of damages means a judicial assessment of damages that may have ensued and in such an exercise, the question of whether the respondent had satisfied O 53 r 5(1)(b) of the Rules of Court 2012 would be dealt with. An assessment of damages exercise is not confined to merely calculating the figures to constitute damages. In this regard, we refer to the Court of Appeal decision of *NamThiam Siew v Chuang Wai Lan* [1959] 1 MLJ 126; [1958] 1 LNS 43 where His Lordship Thomson CJ (as he then was) held:

(1) the amount of damages in this case was pre-eminently a matter of assessment and not a matter of mere calculation and the trial judge was therefore wrong in ordering the damages to be assessed by the assistant registrar, but in this case the irregular assumption of jurisdiction had been waived.

[36] Mahkamah telah turut meneliti penyataan tuntutan yang difailkan oleh plaintif bagi menentukan apakah ganti rugi yang dituntut daripada defendan. Mahkamah mendapati bahawa di dalam penyataan tuntutan ia dengan jelas menyatakan bahawa ganti rugi yang dituntut adalah termasuk penggunaan hakcipta milik plaintif oleh defendan untuk tujuan komersil. Ini pada pandangan mahkamah adalah termasuk hasil penjualan produk yang diciplak. Oleh itu, apabila YA Hakim Mahkamah Tinggi menyatakan ganti rugi yang dialami oleh plaintif, ia semestinyalah merujuk kepada penyataan tuntutan yang diplidkan.

[37] Perkara yang sama turut dinyatakan oleh plaintif di dalam ringkasan keterangan plaintif. Di samping itu, mahkamah turut mendapati antara isu-isu untuk dibicarakan sepertimana yang telah difailkan oleh plaintif turut dimasukkan isu 'sama ada plaintif telah mengalami kerugian dari segi kewangan kerana tidak mendapat wang yang sepatutnya dibayar di atas penggunaan rekabentuk industri design batik B913 (nombor pemberitahuan CRAR00001594) dan design songket D13 (nombor pemberitahuan CRAR00001596)'.

[38] Oleh itu, secara keseluruhannya, mahkamah berpandangan bahawa penghakiman tersebut adalah membawa niat sepertimana yang dinyatakan oleh YA Hakim Mahkamah Tinggi di dalam alasan penghakimannya. Ia adalah turut selari dengan penghakiman yang dinyatakan secara lisan.

KESIMPULAN

[39] Berdasarkan kepada pertimbangan-pertimbangan di atas, mahkamah dengan ini menolak permohonan defendan di kandungan 62 dengan kos sebanyak RM3,000 tertakluk kepada fi alokatur.

Permohonan ditolak dengan kos.

Dilaporkan oleh Michelle Yee